

PANDUAN CALON MENDUDUKI PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM

1. Permohonan Peperiksaan:

- i. Permohonan Peperiksaan dan paparan Jadual Peperiksaan adalah secara dalam talian melalui laman sesawang kompetensi (www.kompetensi.jpa.gov.my/peperiksaan);
- ii. Butiran peribadi dan alamat pejabat hendaklah diisi dengan lengkap;
- iii. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan DITOLAK;
- iv. **Permohonan bagi siri 2, akan dibuka setelah keputusan siri 1 dipaparkan;**
- v. Slip Akuan Terimaan permohonan hendaklah dicetak sebagai bukti permohonan telah dibuat;
- vi. Calon yang tidak mendaftar **TIDAK DIBENARKAN** menduduki peperiksaan; dan
- vii. Semakan status permohonan, angka giliran dan pusat peperiksaan adalah secara dalam talian melalui laman sesawang kompetensi (www.kompetensi.jpa.gov.my/peperiksaan) dua (2) minggu sebelum tarikh peperiksaan.

2. Pusat Peperiksaan:

- i. Ditetapkan oleh urus setia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia;
- ii. Pertukaran Pusat Peperiksaan adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada urus setia peperiksaan di Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam;
- iii. Pertukaran pusat hanya dibenarkan atas sebab-sebab berikut :
 - a. Pertukaran Tempat Bertugas (Surat Arahan Pertukaran hendaklah disertakan); dan
 - b. Masalah kesihatan (Surat Laporan Kesihatan daripada Pegawai Kesihatan hendaklah disertakan).

3. Tanggungjawab Calon:

Calon hendaklah mematuhi peraturan seperti yang ditetapkan dalam **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.13 Tahun 1982 - Peraturan Tatatertib dalam Peperiksaan Perkhidmatan** antaranya:

- i. Calon perlu **mencetak dan membawa SLIP ARAHAN CALON, KAD PENGENALAN dan ALAT TULIS**;
- ii. Calon wajib berpakaian pejabat dan kemas;
- iii. Bahan rujukan yang berkaitan dibenarkan untuk dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan kecuali nota tangan dan nota slaid;
- iv. Calon **TIDAK DIBENARKAN** berkongsi bahan rujukan semasa peperiksaan dijalankan; dan
- v. Sekiranya calon tidak mengikut peraturan, Ketua Pengawas boleh menghalang calon daripada menduduki peperiksaan.

4. Keputusan:

- i. Semakan keputusan peperiksaan adalah secara dalam talian melalui laman sesawang kompetensi (www.kompetensi.jpa.gov.my/peperiksaan);
- ii. Keputusan peperiksaan akan dikeluarkan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh peperiksaan; dan
- iii. Keputusan peperiksaan dianggap **TERBATAL** sekiranya calon didapati tidak layak menduduki peperiksaan yang berkaitan.